
PERKAITAN SUMBER MAKLUMAT DENGAN SOKONGAN KEPADA PARTI POLITIK

JUNAIDI AWANG BESAR

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Elemen yang paling berkesan dalam menentukan persepsi politik dan sokongan kepada parti politik ialah sumber maklumat. Akses sumber maklumat melalui pembacaan dan maklum balas terhadap sesuatu maklumat akan mempengaruhi pendirian seseorang sama ada bersikap percaya sepenuhnya ataupun menafikan maklumat yang diperoleh tersebut. Dalam konteks politik pilihan raya di Malaysia, jika sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) 1995, sumber maklumat politik hanya bergantung kepada media arus perdana iaitu media elektronik (televisyen dan radio) serta media cetak (akhbar) terutamanya bagi golongan tua dan yang berada di luar bandar yang lebih memihak kepada parti pemerintah iaitu Barisan Nasional (BN). Namun pada PRU 1999, penggunaan media alternatif iaitu internet dan SMS telah meluaskan lagi sumber maklumat terutamanya bagi golongan muda dan di kawasan bandar. Keadaan ini telah mengubah landskap politik negara ini yang selama ini iaitu sebelum PRU 1999 hampir semua kawasan termasuk kawasan bandar dan juga pengundi muda majoritinya menyokong BN kepada menyokong parti-parti pembangkang iaitu PKR, PAS dan DAP. Berdasarkan soal selidik di kawasan Parlimen Batu Pahat terhadap 300 orang responden, didapati responden yang mengakses media cetak dan elektronik lebih cenderung menyokong BN manakala responden yang mengakses sumber alternatif seperti blog dan media sosial lebih cenderung menyokong parti-parti dalam Pakatan Pembangkang. Hal ini kerana kedua-dua media cetak dan elektronik dikuasai parti pemerintah iaitu BN manakala kebanyakan blog dan media sosial majoritinya dikendalikan oleh blogger atau netizen yang pro-pembangkang. Keadaan ini berlarutan sejak PRU 1999 hingga PRU 2013. Justeru, media baru atau internet ini telah mengubah landskap politik negara ini dan mencetuskan pendemokrasian maklumat yang luas dan lebih cepat berbanding media arus perdana.

Kata kunci: *Politik, pilihan raya, media arus perdana, media alternatif, pendemokrasian maklumat.*

RELATIONSHIP BETWEEN INFORMATION RESOURCES WITH SUPPORT FOR POLITICAL PARTIES

Abstract

The most effective element in determining the political perception and support for political parties is the source of information. Resource access information by reading and responding to such information will affect one's stance either be fully believe or deny the information obtained.

In the context of electoral politics in Malaysia, if the next General Election (GE) 1995, a source of political information only rely on the mainstream media of electronic media (television and radio) and printed media (the press), especially for the elderly and outside the city is more favorable to the ruling Barisan Nasional (BN). But in the 1999 general election, the use of alternative media such as the Internet and SMS have been expanding sources of information, especially for young people and in urban areas. This situation has changed the political landscape of the country that had been the previous election in 1999 almost all regions, including urban areas and the majority of young voters to support BN to support opposition parties, namely PKR, PAS and DAP. Based on the questionnaire in the constituency of Batu Pahat on 300 respondents, found that respondents who access the electronic and print media are more likely to support the BN while respondents who access alternative sources such as blogs and social media are more likely to support the parties in the opposition. This is due to both electronic and print media controlled by the ruling party of BN, while most blogs and social media blogger or majority controlled by the pro-opposition netizen. This situation has been ongoing since the election in 1999 until the general election of 2013. Thus, new media or internet has changed the political landscape of the country and sparked a broad democratization of information and faster than the mainstream media.

Keywords: *Politics, election, the mainstream media, alternative media, the democratization of information.*

PENGENALAN

Sumber maklumat merupakan perkara penting dalam mempengaruhi individu bagi membentuk pemikiran seterusnya sokongan individu kepada mana-mana pihak. Maklumat yang disampaikan kepada seseorang akan memberi pemahaman seterusnya membentuk kekuatan dalam memberi hujah atau pandangan. Soal betul atau tidak sesuatu maklumat tidak menjadi perkiraan seseorang jika mindset sudah sedemikian. Dalam politik, maklumat akan mengukuhkan pendirian seseorang seterusnya menjadi pegangan untuk membentuk identifikasi politik yang kukuh. Pihak yang menguasai sumber atau akses maklumat akan mendapat sokongan pengundi yang terbanyak. Dalam konteks kehidupan berbangsa, kuasa terhadap kebenaran menyebarkan maklumat akan menjadi kelebihan kepada pihak atau parti pemerintah. Biasanya, parti pemerintah akan menguasai media tradisional atau media arus perdana iaitu media elektronik dan

juga media cetak. Akses media ini lebih mudah dan murah serta menjadi rutin kepada penonton atau pembaca terutamanya pada waktu perdana. Golongan yang tidak berpelajaran atau tidak celik maklumat serta golongan tua amat bergantung kepada media arus perdana ini. Namun kini dengan adanya media alternatif yang bersumberkan gajet seperti komputer desktop dan laptop, internet dan media komunikasi iaitu telefon bimbit serta smart phone sedikit sebanyak memberi peluang tambahan kepada rakyat atau pengundi untuk memperoleh maklumat yang anti-establishment yang tidak memihak kepada pihak status quo atau pihak pemerintah. Pengguna media alternatif dapat menilai maklumat daripada kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang serta dapat member respon terutamanya melalui media sosial seperti *facebook*, *twitter*, *youtube*, e-akhbar, blog, laman web, *whatsapp* dan sebagainya. Media alternatif ini terkenal dan berpengaruh kuat di kawasan yang mempunyai kadar penembusan/penetrasi internet yang tinggi di kawasan bandar dan dalam kalangan golongan muda serta yang celik IT. Justeru, keadaan inilah yang telah mengubah landskap politik tanah air iaitu merosotnya pengaruh atau sokongan pengundi kepada BN/UMNO terutamanya ketika era reformasi iaitu setelah pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan juga Timbalan Presiden UMNO yang memberi impak pada PRU 1999 seterusnya berlarutan pada Pilihan Raya Umum 2008 dan 2013. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis perkaitan sumber maklumat dengan sokongan kepada parti politik dengan pemilihan kawasan Parlimen Batu Pahat, Johor sebagai kajian kes.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan metod soal selidik di lapangan sebagai metod utama yang dikukuhkan dengan kajian rujukan terhadap sumber sekunder untuk mengukuhkan hasil dan analisis kajian ini terutamanya analisis deskriptif frekuensi/peratusan dan ujian taburan silang/crosstabulation. Seramai 300 orang responden telah dipilih di kawasan Parlimen Batu Pahat dengan taburan 100 responden bagi setiap DUN yang terdapat dalam Parlimen Batu Pahat iaitu DUN Penggaram (bandar), DUN Senggarang (separa/pinggir bandar), dan DUN Rengit (luar bandar). Pemilihan 300 responden adalah berdasarkan ketetapan kajian pendapat umum oleh Gallup di England yang mementingkan pemilihan responden berdasarkan stratifikasi sosial responden iaitu jantina, etnik, agama, umur, lokasi bandar-separa bandar dan luar bandar, pekerjaan, pendapatan dan latar belakang pendidikan. Sumber sekunder pula digunakan untuk mengukuhkan hasil dan analisis kajian melalui rujukan kepustakaan yang merangkumi buku-buku rujukan akademik, kertas seminar dan persidangan, akhbar dan juga bahan-bahan daripada sumber atas talian/online atau internet/blog yang berkenaan.

KAWASAN KAJIAN: PARLIMEN BATU PAHAT, JOHOR

Dalam penyelidikan ini, Parlimen Batu Pahat (88,272 orang pemilih) yang mengandungi tiga DUN iaitu DUN Penggaram dengan 45,157 orang pemilih (bandar), DUN Senggarang dengan 24,048 orang pemilih (separa bandar) dan DUN Rengit dengan 19,067 orang pemilih (luar bandar) dijadikan kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan daripada 300 responden. Secara mikronya dalam Parlimen Batu Pahat, DUN Penggaram mempunyai kawasan-kawasan Daerah Mengundi Parit Bilal, Linau, Bakau Chondong, Bukit Pasir, Bakau Chondong

Barat, Kampong Kenangan Dato' Onn, Gunung Soga, Kampong Merdeka Timor, Kampong Merdeka Barat, Jalan Zabedah Barat, Jalan Abu Bakar, Jalan Zabedah Timor, Simpang Rantai, Bentara Luar, Bukit Bendera, Taman Soga dan Kampong Istana; DUN Senggarang merangkumi kawasan-kawasan Daerah Mengundi Minyak Beku, Petani Kechik, Banang, Sungai Ayam, Sungai Suloh, Koris, Parit Tariman, Parit Kadir, Parit Kemang, Sungai Lurus, Bandar Senggarang Barat, Bandar Senggarang Timor, Senggarang, Kampung Bahru dan Taman Senggarang; dan DUN Rengit merangkumi kawasan-kawasan Daerah Mengundi Rejo Sari, Perpat, Sri Ladang, Sri Merlong, Belahan Tampok, Sungai Merlong, Sungai Kluang, Bandar Rengit Selatan, Bandar Rengit Utara, Rengit dan Punggor (Lihat Rajah 1, Peta Kedudukan Daerah-Daerah Mengundi dan DUN dalam Parlimen Batu Pahat).



Rajah 1: Peta Kedudukan Daerah-Daerah Mengundi dan DUN dalam Parlimen Batu Pahat

Sumber: Pejabat Penerangan Daerah Batu Pahat; Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor

Bagi keputusan PRU kawasan Parlimen Batu Pahat dalam PRU 2013, calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Datuk Idris bin Juzi (38,667 undi) berjaya menewaskan calon BN yang juga penyandang pada PRU 2008 iaitu Datuk Dr Mohd Puad bin Zarkashi (36,935 undi) dengan majoriti 1,732 undi. Pada PRU 2008, calon BN (Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi)

mendapat 32,593 undi berbanding calon PKR (Muhammad bin Abdullah) mendapat 19,625 undi, oleh itu calon BN menang dengan majoriti 12,968 undi.


Sehingga 11 April 2013 iaitu untuk PRU-13, 2013, terdapat 88,272 pemilih (pengundi) berdaftar di kawasan Parlimen Batu Pahat yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan 52.67 peratus etnik Melayu, 45.60 peratus Cina, 1.39 peratus India dan 0.34 peratus kaum-kaum lain. Dari segi kategori pemilih/pengundi, terdapat 87,751 pengundi biasa, 494 pengundi polis dan pasangan dan 27 pengundi tidak hadir luar negara. Terdapat 44 Pusat Mengundi, 172 saluran/tempat mengundi dan 3 pusat mengundi awal dalam Parlimen Batu Pahat (SPR 2013). Peratusan keluar mengundi ialah 87.5 peratus (77,047 undi) dengan undi rosak sebanyak 1,445 undi.

PEROLEHAN SUMBER MAKLUMAT POLITIK

(a) Media cetak


Hasil kajian menunjukkan kebanyakan responden mendapatkan sumber maklumat politik melalui akhbar harian perdana Bahasa Melayu iaitu sebanyak 56.5 peratus (Lihat Rajah 2). Hal ini demikian kerana kawasan Parlimen Batu Pahat kebanyakannya terdiri daripada etnik Melayu dan akhbar harian perdana Bahasa Melayu seperti Berita Harian dan Utusan Malaysia mudah diperoleh di sekitar Batu Pahat. Tambahan pula, responden di Parlimen Batu Pahat dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik telah memudahkan mereka mendapatkan sumber maklumat politik melalui saluran media cetak seperti akhbar harian perdana Bahasa Melayu. Namun, terdapat juga responden yang tidak mendapatkan sumber maklumat politik daripada akhbar harian perdana Bahasa Melayu disebabkan sesetengah responden telah beranggapan

bahawa akhbar harian seperti Berita Harian dan Utusan Malaysia telah dikawal oleh pihak kerajaan serta berita/isu sering dipaparkan yang memihak kepada kerajaan/BN.



Rajah 2: Sumber maklumat politik daripada akhbar harian perdana Bahasa Melayu
(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)


Rajah 3 menunjukkan jumlah responden yang mendapatkan sumber maklumat politik daripada media cetak yang bahawa kebanyakan responden mendapatkan sumber maklumat politik melalui akhbar harian perdana Bahasa Melayu iaitu sebanyak 56.5 peratus, diikuti oleh akhbar Bahasa Cina (30 peratus), akhbar harian perdana Bahasa Inggeris (22.5 peratus), akhbar alternatif/politik (12.5 peratus) dan akhbar Bahasa Tamil (4.5 peratus). Kajian ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Fuad dan Junaidi (2012) di kawasan Parlimen Muar, Johor yang telah menyatakan bahawa 70.8 peratus (60.9 peratus percaya) responden memperoleh sumber maklumat politik melalui akhbar harian perdana seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, Sinar Harian, Sin Chew Daily, Nanyang Siang Pau, New Straits Times dan The Star.



Rajah 3: Sumber maklumat politik daripada media cetak
(Sumber: Kajian Lapangan, 2015)

(b) Media Elektronik


Rajah 4 menunjukkan sumber maklumat politik melalui media elektronik oleh responden. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa siaran televisyen arus perdana (86.5 peratus) merupakan antara media elektronik yang paling hangat dan dijadikan pilihan utama oleh responden di Parlimen Batu Pahat. Radio (54.5 peratus) pula merupakan pilihan kedua yang menjadi saluran responden untuk mendapatkan sumber maklumat politik, diikuti oleh Astro Awani (37 peratus), Bernama TV (30 peratus) dan Al-Hijrah (18 peratus). Kajian ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Samsudin (2010) yang telah menyatakan bahawa secara keseluruhannya 86 peratus responden telah memilih televisyen sebagai sumber utama untuk mendapatkan maklumat pilihan raya. Sebaliknya dalam kajian beliau telah menyatakan bahawa radio adalah media massa yang paling rendah digunakan oleh responden untuk mendapatkan maklumat pilihan raya. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan radio kini lebih banyak menawarkan program hiburan daripada berperanan sebagai sumber maklumat isu-isu semasa.



Rajah 4: Sumber maklumat politik daripada media elektronik
(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

(c) Media Alternatif


Bagi sumber maklumat politik melalui media alternatif, didapati bahawa kebanyakan responden telah mendapatkan sumber maklumat politik melalui media sosial (54.5 peratus), diikuti oleh laman web (51.5 peratus), akhbar dalam talian (33.5 peratus), blog (18.5 peratus) dan SMS (9 peratus) (Lihat Rajah 5). Keadaan ini disebabkan sesetengah maklumat yang pelbagai sumber sama ada laporan pro-kerajaan ataupun anti-kerajaan boleh diakses melalui media sosial dan laman web. Sesetengah responden berpendapat bahawa mereka boleh bebas berfikir dan menilai kebenaran sumber maklumat politik dalam media sosial kerana kebanyakan maklumat yang tersebar dalam ICT adalah berbentuk maklumat mentah yang perlu diberikan tafsiran (Junaidi & Mazlan, 2016).



Rajah 5: Sumber maklumat politik daripada media alternatif
(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

Begitu juga dengan Rajah 6 yang menunjukkan bahawa jumlah responden yang mendapatkan sumber maklumat politik melalui media alternatif mengikut umur. Kajian ini telah mendapati bahawa responden yang berumur 21 – 30 tahun (69.4 peratus) paling ramai mengakses sumber maklumat politik melalui media alternatif, diikuti oleh 31 – 40 tahun (69.2 peratus), 41 – 50 tahun (45.5 peratus) serta 51 tahun dan ke atas (31.8 peratus). Hal ini demikian kerana responden yang berumur 21 – 30 tahun kebanyakannya adalah pelajar universiti dan kolej yang terdedah kepada dunia ICT. Kemudahan media sosial seperti Facebook, Twitter, Skype yang terdapat di hujung jari dapat mengakses sumber maklumat politik dengan cepat dan mudah juga memudahkan responden yang berumur 31 – 40 tahun mendapatkan sumber maklumat politik melalui media alternatif. Namun, bagi responden yang berumur antara 41 – 50 tahun serta 51 tahun dan ke atas, kekerapan mereka mendapatkan sumber maklumat politik melalui media alternatif adalah lebih rendah daripada responden yang berumur 21 – 30 tahun dan 31 – 40 tahun. Hal ini demikian kerana tahap kebolehpercayaan sumber maklumat dalam media


sosial adalah rendah dan terselit dengan unsur emosi yang berbentuk prejudis akan mempengaruhi fikiran masyarakat untuk membuat keputusan.



Rajah 6: Sumber maklumat politik daripada media alternatif mengikut umur
(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

(d) Lain-lain


Bagi sumber maklumat politik lain, dapatan kajian menunjukkan bahawa 60.5 peratus responden mendapatkan sumber maklumat politik daripada rakan, diikuti oleh keluarga (46.5 peratus) serta taklimat/ceramah daripada pemimpin (28 peratus) (Rujuk Rajah 7). Kajian ini selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Samsudin (2010) yang telah menyatakan bahawa sumber peribadi seperti rakan-rakan juga boleh mempengaruhi pola pengundian individu. Dalam konteks ini, 45 hingga 60 peratus daripada pelbagai etnik menyatakan mereka menerima sumber maklumat politik daripada kawan-kawan mereka.



Rajah 7: Sumber maklumat politik daripada sumber lain
(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

SUMBER MAKLUMAT YANG PALING DIPERCAYAI

Rajah 8 menunjukkan peratusan sumber maklumat yang paling dipercayai oleh jumlah responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa media elektronik merupakan sumber maklumat yang paling dipercayai oleh responden iaitu sebanyak 47 peratus, diikuti oleh media cetak (19.5 peratus), lain-lain (17 peratus) dan media alternatif (16.5 peratus). Kajian ini selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Samsudin (2010) yang menyatakan bahawa majoriti responden mempercayai sumber maklumat pilihan raya adalah melalui televisyen, diikuti oleh akhbar dan kepercayaan yang paling rendah dalam kalangan responden ialah internet.



Rajah 8: Sumber Maklumat yang Paling Dipercayai
(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

Jadual 1 menunjukkan bahawa tahap kepercayaan terhadap sumber maklumat politik mengikut umur responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden yang berumur 21 – 30 tahun mempunyai tahap kepercayaan yang lebih tinggi terhadap media alternatif (36.7 peratus) berbanding dengan media elektronik (32.7 peratus), media cetak (22.4 peratus) dan lain-lain (8.2 peratus). Hal ini demikian kerana lingkungan umur bagi responden 21 – 30 tahun terdiri daripada pelajar universiti, kolej dan orang muda. Golongan ini mempunyai pendemokrasian pemikiran dan persepsi yang mendorong mereka bebas berfikir dan berani mengemukakan pandangan mereka (Kaufman, 2008; Mohd Fuad & Junaidi, 2012; Mohd Hasbie, 2013; Lai & Omoye 2014). Oleh itu, mereka akan lebih percaya terhadap sumber maklumat daripada media alternatif.

Jadual 1: Tahap Kepercayaan Terhadap Sumber Maklumat Mengikut Umur

Umur	Tahap Kepercayaan Terhadap Sumber Maklumat (%)			
	Media cetak	Media elektronik	Media alternatif	Lain-lain
21 – 30	22.4	32.7	36.7	8.2
31 – 40	15.4	44.2	17.3	23.1
41 – 50	10.9	65.5	3.6	20
51 dan ke atas	31.8	43.2	9.1	15.9

(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

Pada pendapat Coleman dan Blumer (2009), internet akan dapat meningkatkan kredibiliti dan dipercayai sekiranya ia tidak menunjukkan kecondongan atau motif yang memihak pada mana-mana entiti politik. Namun, ini tidak bermakna golongan ini terus menjauhkan diri daripada media massa perdana. Keadaan ini disebabkan tahap kepercayaan media alternatif dengan media elektronik hanya berbeza 4 peratus sahaja. Jumlah peratusan kepercayaan yang hampir seimbang antara keempat-empat jenis sumber maklumat tersebut menunjukkan tahap penilaian yang matang dalam kalangan responden yang mempunyai pelbagai latar belakang tahap pendidikan tertinggi, jenis pekerjaan dan jumlah pendapatan yang diperoleh di samping mempunyai 3 etnik yang berbeza tersebut.

Namun, bagi responden yang berumur antara 31 – 40 tahun, 41 – 50 tahun serta 51 tahun dan ke atas, mereka mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi terhadap media elektronik berbanding dengan sumber lain iaitu masing-masing sebanyak 44.2 peratus, 65.5 peratus dan 43.2 peratus. Hal ini demikian kerana kebanyakan responden yang ditemui telah memperihalkan bahawa maklumat isu semasa politik sering diakses melalui siaran TV. Bagi mereka yang sibuk bekerja dan golongan yang berusia tua, mereka juga lebih cenderung percaya terhadap media

elektronik kerana mereka berpendapat bahawa sesuatu berita akan dibuktikan sebelum dipaparkan dalam kaca televisyen.

Responden paling mempercayai media cetak kerana mempunyai beberapa alasan, antaranya mereka berpendapat pihak kerajaan (BN) dan pembangkang masing-masing mempunyai akhbar yang kini boleh didapati dan dibeli di kedai-kedai yang berkenaan maka mereka boleh merujuk dan membaca berita kedua-dua versi tersebut dan boleh menilai kesahihan dan kewajaran berita tersebut disensasikan. Media cetak juga dapat difahami dan mudah diperoleh di samping bacaan tetap terutamanya bagi golongan tua yang tidak celik IT.

Di samping itu, responden yang menyatakan paling mempercayai media elektronik kerana bersifat arus perdana, senang dilihat, mempunyai kesan audio/bunyi serta paparan gambar dan video yang menarik seterusnya dapat menarik perhatian dan minat responden yang menonton siaran televisyen yang rata-ratanya dimiliki oleh setiap isi rumah di seluruh negara (Syed Arabi, 2011; 2014; Kamarudin, 2013; Azly, 2014; Yang Razali, 2015). Mereka juga berpendapat maklumat atau isu yang disampaikan dalam media elektronik bersifat sensasi, berinformasi, terkini, telus, tepat dan dapat ditonton sepanjang masa.


Seterusnya, responden paling mempercayai media alternatif/internet kerana media tersebut menyediakan maklumat yang terkini, pelbagai, meluas dan pantas, memaparkan isu kedua-dua pihak sama ada BN mahupun Pakatan Rakyat/pembangkang, boleh responsif dalam bentuk komunikasi yang bersifat dua hala terutamanya maklumat yang boleh dikomen seperti dalam facebook, twitter dan sebahagian blog, sensasi dan menarik, adil, terbuka dan tanpa sempadan, lengkap, boleh diakses di tempat-tempat yang sesuai dengan gajet dan bentuk online yang pelbagai seperti broadband, wifi dan wireless, memaparkan idea dan pandangan yang

bernas dan diluar ‘kotak’ pemikiran media arus perdana seperti media cetak dan elektronik, dapat didebat dan dibincangkan secara bebas, adil dan terbuka (Lau, 2012; Liew, 2014; Lim 2012; Markus, 2008; Matthew, 2013).

Selain itu, responden paling mempercayai media-media lain yang melibatkan komunikasi sesama manusia secara langsung seperti dengan keluarga, saudara-mara, jiran dan ahli politik kerana dapat berbincang dan mengeluarkan pendapat secara bersemuka dengan respon secara langsung dan segera, bersifat mesra, mempunyai ikatan tali kekeluargaan dan persaudaraan yang kukuh dan saling mempercayai serta mempunyai kaitan dan berkepentingan dengan ahli atau parti politik tertentu.

PENILAIAN SEMULA TERHADAP MAKLUMAT YANG DISAMPAIKAN DALAM SUMBER MAKLUMAT

Rajah 9 menunjukkan bahawa penilaian semula terhadap maklumat yang disampaikan dalam sumber maklumat oleh responden. Kajian ini telah mendapati bahawa terdapat 58.5 peratus responden membuat penilaian semula terhadap maklumat yang disampaikan, 16.5 peratus responden masing-masing tidak membuat penilaian semula terhadap maklumat yang disampaikan dan tiada masa untuk membuat penilaian semula. Terdapat juga 8.5 peratus responden yang mengatakan bahawa mereka tidak perlu membuat penilaian terhadap maklumat yang disampaikan. Keadaan ini telah membuktikan bahawa responden lebih separuh ke atas di Parlimen Batu Pahat mempunyai kebijaksanaan untuk menapis semula maklumat yang disampaikan sama ada oleh media aus perdana, media alternatif ataupun lain-lain sumber. Mereka menerima sumber maklumat politik dengan berfikir secara rasional dan matang.



Rajah 9: Penilaian semula terhadap maklumat yang disampaikan
(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

Responden menilai semula apa yang disampaikan dalam sumber-sumber maklumat kerana mereka mempunyai tahap kesedaran berpolitik yang tinggi di samping mementingkan masa depan negara dan anak cucu mereka akan datang. Sebaliknya, responden yang tidak menilai apa yang disampaikan dalam sumber-sumber maklumat pula adalah kerana kerana mereka sibuk dengan kerja dan urusan masing-masing di samping percaya bulat-bulat terhadap media yang dipercayai kerana mereka merupakan individu yang partisan dan taksub dengan parti masing-masing.

PERKAITAN ANTARA SUMBER MAKLUMAT POLITIK DENGAN SOKONGAN KEPADA PARTI POLITIK

Dapatan kajian ini dikukuhkan lagi dengan ujian crosstab/taburan silang untuk melihat perkaitan antara sumber maklumat politik dengan sokongan kepada parti politik dalam PRU 2013. Dapatan kajian dalam analisis ujian taburan silang/crosstab antara media cetak dengan sokongan kepada parti politik menunjukkan bahawa menunjukkan responden yang membaca akhbar harian arus perdana bahasa Melayu majoritinya menyokong BN manakala responden yang membaca akhbar

harian perdana bahasa Inggeris, akhbar alternatif/politik dan akhbar bahasa Cina majoritinya menyokong PKR/PR (Lihat Jadual 2).

Jadual 2: Ujian crosstab/taburan silang antara jenis media cetak dengan sokongan kepada parti politik dalam PRU 2013

Jenis media cetak/parti politik	BN (%)	PKR/PR (%)	Jumlah
Akhbar harian perdana bahasa Melayu	57.4	42.6	100%
Akhbar harian perdana bahasa Inggeris	42.5	57.5	100%
Akhbar alternatif/politik	41.7	58.3	100%
Akhbar bahasa Cina	38.5	61.5	100%
Akhbar bahasa Tamil	50.0	50.0	100%

(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

Media cetak arus perdana iaitu akhbar yang diketahui lebih cenderung kepada BN seperti *Utusan Malaysia, Berita Harian, Kosmo* dan *Harian Metro*. Pendirian yang diambil oleh media arus perdana terhadap parti yang ingin disokong dan ditentang ditentukan oleh elemen pemilikan dan kawalan oleh kerajaan atau parti yang memerintah. Akhbar terbitan kumpulan Utusan mengambil pendirian menyokong BN dan menentang pembangkang. Akhbar alternatif/politik seperti *Harakah, Suara Keadilan* dan *The Rocket* turut menjadi pilihan pembaca. Di samping itu, akhbar bahasa Inggeris seperti *The Star, New Straits Times* dan *The Sun* turut popular dalam kalangan responden. Responden Cina dan India turut menjadikan akhbar bahasa ibunda mereka sebagai sumber maklumat politik. Majoriti responden yang membaca akhbar harian perdana bahasa Inggeris, akhbar alternatif/politik dan akhbar bahasa Cina menyokong PKR/PR kerana maklumat yang disampaikan dalam akhbar-akhbar tersebut lebih kritikal terhadap berita dan isu mengenai Kerajaan/BN (Fernando, 2011; Junaidi et al., 2013; Junaidi et al., 2014a, 2014b 2014c; Junaidi & Mazlan, 2014).

Dalam temubual di lapangan, terdapat responden terutamanya yang berpendirian ‘neutral’ atau ‘atas pagar’ menyatakan mereka telah merujuk sumber politik dalam media arus perdana akhbar *Sinar Harian* sebagai sumber maklumat politik utama. Responden lebih cenderung memilih akhbar ini berikutan informasi yang disampaikan lebih inklusif (menyeluruh tanpa bias kepada mana-mana pihak) ringkas, tepat, menarik, padat dan mudah difahami. Terdapat juga pembahagian edisi nasional dan tengah yang membolehkan mereka mengetahui dengan lebih lanjut isu semasa, ekonomi dan politik di kawasan setempat. Akhbar *Sinar Harian* juga lebih bersifat terbuka, ringkas dan bersifat neutral dengan menyiarkan berita kedua-dua blok parti politik iaitu Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR).

Namun begitu, *Sinar Harian* kadangkala dilihat lebih condong dan mesra pembangkang dengan tindakan memberikan ruang kepada pembangkang secara positif di muka hadapan akhbar tersebut serta menyiarkan iklan parti pembangkang (Chamil, 2013). Sebaliknya, responden yang berpendirian ‘neutral’ kurang merujuk sumber maklumat politik daripada akhbar *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* kerana disebabkan mereka kurang menggemari sumber maklumat dari media cetak yang lebih berunsur kepartian dan memaparkan berita dari sebelah pihak sahaja. Akhbar *Utusan Malaysia* juga mengambil pendirian menyokong UMNO/BN dan menentang parti pembangkang.

Majoriti responden yang memperoleh maklumat politik melalui media tradisional ini (media cetak dan elektronik arus perdana) kebanyakannya adalah responden yang mempunyai taraf pendidikan dan pendapatan bulanan yang rendah. Mereka kurang pengetahuan dalam pengaplikasian teknologi ICT dan tidak berkemampuan untuk membayar bayaran bulanan internet (Umaimah, 2013). Oleh yang demikian, mereka masih bergantung dengan media

tradisional untuk memperoleh maklumat politik (Syed Arabi & Mohd Safar, 1990). Dapatkan kajian dalam analisis ujian taburan silang/crosstab antara media elektronik dengan sokongan kepada parti politik menunjukkan bahawa majoriti responden yang menonton siaran televisyen dan mendengar radio menyokong BN (Rujuk Jadual 3). Di negara ini, media elektronik dikawal dan dikuasai parti pemerintah/BN, justeru hampir keseluruhan berita atau laporan dalam media tersebut adalah memihak kepada Kerajaan/BN dan ini sekaligus dapat mempengaruhi persepsi dan minda penonton/pendengar untuk mempercayai dan menyokong BN.

Jadual 3: Ujian crosstab/taburan silang antara jenis media elektronik dengan sokongan kepada parti politik dalam PRU 2013

Jenis media elektronik/parti politik	BN (%)	PKR/PR (%)	Jumlah
Siaran televisyen arus perdana	70.1	29.9	100%
ASTRO Awani	53.4	46.6	100%
Al-Hijrah	52.8	47.2	100%
Bernama TV	52.7	47.3	100%
Radio	52.0	48.0	100%

(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

Dengan meledaknya penggunaan internet dan media sosial, rakyat terutamanya golongan muda banyak memperoleh maklumat melalui kesemua jaringan ini. Teknologi komunikasi moden ini membolehkan penduduk mendapatkan akses maklumat hanya di hujung jari. Responden kebanyakannya memperoleh sumber maklumat politik melalui media sosial, laman web dan blog. Populariti ketiga-tiga sumber maklumat atas talian ini ini memang tidak dapat disangkal kerana responden terutamanya golongan muda dan celik IT menjadikannya sebagai pilihan yang terbaik untuk mencari maklumat dan berhibur. Faktor sumber dan bahan yang dipaparkan oleh laman web lebih berunsur formal dan sesetengah blog menyebabkan golongan muda lebih cenderung melayari media sosial berbanding laman web yang kebanyakannya

merupakan penulisan bebas pelbagai golongan masyarakat berdasarkan pandangan politik masing-masing (Mohammad Redzuan et al., 2014a & 2014b; Amer Saifude, 2015; Ahmad Zaharuddin Sani & Aminuddin, 2014).

Dapatan kajian dalam analisis ujian taburan silang/crosstab antara media alternatif/internet dengan sokongan kepada parti politik menunjukkan bahawa menunjukkan majoriti responden yang mengakses media tersebut menyokong PKR/PR (Lihat Jadual 4). Majoriti responden yang mengakses media alternatif/internet menyokong PKR/PR kerana maklumat dalam media tersebut lebih luas dan bersifat provokatif serta spekulasi dan membangkitkan sentimen atau emosi mereka. Sesuatu isu yang dipaparkan dalam media tersebut juga adalah sensasi dan melibatkan kepentingan semua pihak disamping dapat dikomen atau dibahas oleh pembaca/pelayar laman (Junaidi et al., 2015a, 2015b). Ini yang disukai dan diminati mereka seterusnya mewujudkan sikap atau sifat ‘kepembangkangan’ dalam naluri atau sanubari mereka.

Jadual 4: Ujian crosstab/taburan silang antara jenis media alternatif/internet dengan sokongan kepada parti politik dalam PRU 2013

Jenis media alternatif (internet)/parti politik	BN (%)	PKR/PR (%)	Jumlah
Blog	32.4	67.6	100%
Laman web	42.4	57.6	100%
Media sosial	41.8	58.2	100%
Akhbar dalam talian	36.1	63.9	100%
SMS	38.9	61.1	100%

(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

Media sosial merupakan media yang memberi kebebasan kepada setiap parti untuk membangkitkan sesuatu isu. Dengan adanya video dan gambar yang boleh ditonton oleh

pengguna media ini, rakyat berpendapat bahawa kebenaran dapat diperoleh dan maklumat daripada media ini lebih dipercayai. Disamping itu, rakyat juga bebas bersuara dan memberikan pendapat serta kritikan tentang sesuatu isu yang dibangkitkan melalui media sosial (Junaidi & Mohd Fuad, 2009; Junaidi et al., 2011a, 2011b; Lumsden, 2013; Junaidi & Mohd Fuad, 2013; Mohd Fuad 2013; Mohd Fuad et al., 2013 & 2014; Syed Arabi, 2014a).

Temubual yang dijalankan menunjukkan antara laman web politik yang sering dilayari oleh responden yang ditemui adalah *Malaysiakini*, *mstar.com*, dan *suara keadilan.com* di samping *Utusan.com* dan *Berita Harian.com*. Kadar celik ilmu yang pantas dan penyebaran maklumat yang pelbagai mendorong penduduk untuk membuat penilaian yang sewajarnya terhadap isu-isu politik yang semakin meledak. Peranan media cetak, media elektronik dan internet mempengaruhi pemikiran penduduk sekaligus mempengaruhi corak dan pola pengundian mereka. Pengaruh media mampu mendorong kepada tercetusnya sesuatu yang kurang baik dan dapat dielakkan sekiranya rakyat bijak menilai sesuatu isu. Pensyarah Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling Universiti Malaya (UM), Dr Mariani Md Nor menyatakan pengaruh ini wujud kerana media sosial seperti blog, media cetak dan elektronik telah menjadi medium penting dalam kehidupan masyarakat hari ini. Masyarakat mudah terpengaruh dengan gaya dan cara penyampaian sekaligus membangkitkan rasa tidak puas hati. Oleh itu, masyarakat perlu menjadikannya sebagai platform yang sihat dan berupaya menilai dan memilih pemimpin yang mampu membawa perubahan kepada kejayaan kelak.

Media siber digunakan sepenuhnya oleh PR untuk berdepan dengan media konvensional yang dilihat lebih berpihak kepada kerajaan BN. Media siber mengubah kaedah berkempen seperti ditunjukkan dalam PRU kali ini. Selama ini kaedah berkempen secara konvensional

seperti perang poster memainkan peranan yang cukup besar dalam mempengaruhi pengundi. Keadaan ini nampaknya sudah berubah. Penguasaan media perdana oleh satu pihak saja juga menimbulkan rasa tidak puas hati sebilangan besar rakyat yang semakin kritis pemikiran mereka. Mereka melihat media perdana berlaku tidak adil kepada parti pembangkang. Apa-apa pun, agak sukar untuk mengukur sejauh mana pemikiran pengundi telah berubah kerana ada banyak lagi persoalan dan teka-teki yang perlu diperhalusi.

Kini, sudah muncul kelompok generasi muda yang berpendidikan menjadi ejen yang aktif kepada perjuangan 'politik sivil', sekaligus mendukung perjuangan parti pembangkang. Di pihak rakyat pula, mereka semakin terpanggil untuk lebih bersikap kritis dan terbuka dalam menilai calon dan parti yang bertanding dalam pilihan raya. Oleh itu, keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 ini melebarkan lagi masalah dan cabaran yang akan dihadapi orang Melayu, khususnya dalam konteks mempertahankan 'kelangsungan politik' Melayu yang semakin terhakis (Kamaruddin 2013).

Selepas kejutan berikutnya keputusan yang memihak kepada pembangkang di beberapa buah negeri mula reda, muncul pula pelbagai persepsi yang cuba menjelaskan punca perubahan besar dalam corak pengundian. Satu pandangan yang agak popular menyatakan bahawa penggunaan internet sebagai media alternatif amat berkesan dalam menentukan arah tuju keputusan pengundian. Pilihan Raya Umum Ke-13 bukanlah julung-julung kalinya internet digunakan sebagai landasan berkempen calon. Walaupun internet mula digunakan sebagai satu media alternatif sejak Pilihan Raya Umum 1999, keberkesanannya tidak diberi perhatian yang sewajarnya, lantaran keputusan pemilihan yang memihak kepada kemenangan dua pertiga parti pemerintah Barisan Nasional (BN). Ia sekaligus, mengaitkan peranan internet sebagai media

alternatif dan seterusnya salah satu punca utama fenomena 'taufan politik yang menggegarkan BN'.

Penggunaan kaedah siber untuk berkempen mula digunakan di negara ini pada pilihan raya umum 1999. Pada abad ke-20, internet atau alam siber sebagai sumber maklumat menjadi semakin penting dan mula berkembang pada 2004 berikutan peningkatan pengguna internet di Malaysia. Peranan media alternatif ini secara meluas dan signifikan dilihat dalam kempen pilihan raya umum 2008 dengan langganan *dial-up* yang menjangkau 11.76 juta orang. Sebelum ini, blog, e-mail, video dalam you tube dan SMS menjadi pilihan meluas pemimpin politik dan juga pengundi yang menyokong parti pembangkang untuk berkempen dan berhubung sesama mereka. Namun berdasarkan data terkini, 60 peratus (15 juta) daripada 28 juta rakyat Malaysia telah mengakses internet untuk mendapatkan maklumat politik (Ramanathan 2008).

Terdapat 500,000 blogger yang aktif di Malaysia dengan 10,000 website di Malaysia melalui penetrasi/penembusan sebanyak 40 peratus sekaligus merupakan salah satu daripada komuniti online terbesar di dunia selepas Indonesia dan Kesatuan Eropah (Kaufman 2008). Hal ini demikian menandakan bermulanya era demokrasi digital di negara ini. Medium tersebut menjadi penting akibat keruntuhan kredibiliti media arus perdana (media tradisional), iaitu media cetak dan media elektronik. Keadaan sedemikian membuatkan rakyat menerima medium digital sebagai media alternatif sebagai saluran meluahkan pandangan. Berkempen menerusi alam siber khususnya laman web, blog politik, khidmat pesanan ringkas (SMS), emel dan persidangan video menjadi kaedah baru yang menghangatkan suasana berkempen sama ada membabitkan parti atau calon yang bertanding bagi tempoh kempen hingga hari pembuangan undi.

Di dada akhbar atau menerusi kaca televisyen, penonton dikatakan sudah jemu dengan paparan iklan mahupun sisipan bahan berita yang pro-BN. Berdasarkan hujah ini, bolehlah disimpulkan bahawa seandainya media utama bertindak dengan adil, ia masih berpeluang menyisihkan media alternatif. Dalam perkataan lain, kedua-dua media utama dan media alternatif sama-sama berpeluang menggugat kedudukan masing-masing. Walaupun internet atau khidmat pesanan ringkas (SMS) adalah satu kuasa baru dalam saluran maklumat, ia tidaklah menjadi saluran alternatif yang berkesan berbanding saluran lain.

Keberkesanan saluran internet sudah lama diperbincangkan banyak pihak berwibawa seluruh dunia. Saluran fizikal seperti papan iklan, media cetak dan bentuk iklan biasa yang lain masih amat berkesan dan berkuasa untuk menentukan pemikiran pengguna atau pemilih. Yang menjadi persoalan bukanlah kehebatan media alternatif, tetapi kelemahan dalam penggunaan media utama. Sekiranya diteliti dengan terperinci cara media massa seperti televisyen, papan iklan dan kain pemidang digunakan, didapati mereka tidaklah digunakan dengan kreatifnya dari segi bahan, isi kandungan atau mesej yang ingin disampaikan. Kandungan media hendaklah menjurus kepada isu utama, trend pemilih dan kaedah menangani sesuatu isu masyarakat yang dapat meyakinkan pengundi lantaran disokong oleh maklumat dan hasil analisis berasas (Ng, 2003).

Dalam pada itu, dapatan kajian dalam analisis ujian taburan silang/crosstab antara sumber-sumber lain dengan sokongan kepada parti politik menunjukkan bahawa menunjukkan majoriti responden yang memperoleh maklumat daripada pihak atau orang lain menyokong PKR/PR (Lihat Jadual 5). Responden memperoleh maklumat semasa daripada sumber-sumber

lain secara langsung iaitu orang yang terdekat dengan mereka seperti ibu bapa, rakan sekerja dan saudara-mara.

Selain itu, terdapat sesetengah responden yang memperoleh maklumat politik melalui ceramah oleh pemimpin parti-parti politik, majikan tempat kerja dan perbualan sehari-hari di premis-premis perniagaan, balai raya awam dan rumah ibadat. Kajian juga mendapati responden turut mendapatkan maklumat politik dari rakan/jiran tetangga. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan responden menghabiskan masa bersama rakan/jiran dengan membincangkan isu-isu politik dan pilihan raya. Dapat juga disimpulkan bahawa hubungan responden dengan rakan/jiran adalah rapat sehingga boleh bertukar-tukar maklumat politik meskipun kebanyakan orang menganggap politik adalah perkara sensitif untuk dibincangkan. Namun, ahli politik atau pemimpin setempat juga berperanan penting dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat politik kepada rakyat. Ahli politik atau pemimpin setempat berperanan dalam menjadi pengantara antara parti politik dengan rakyat dalam memastikan agenda parti politik masing-masing difahami masyarakat. Hal ini kerana ahli politik atau pemimpin parti sering turun padang mendekati masyarakat.

Jadual 5: Ujian crosstab/taburan silang antara jenis sumber-sumber maklumat lain dengan sokongan kepada parti politik dalam PRU 2013

Sumber-sumber maklumat lain/parti politik	BN (%)	PKR/PR (%)	Jumlah
Keluarga	45.3	54.7	100%
Rakan	46.8	53.2	100%
Pemimpin (taklimat/ceramah)	48.2	51.8	100%

(Sumber: Soal selidik di lapangan, 2015)

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, responden yang merujuk dan membaca media cetak dan elektronik lebih cenderung menyokong BN manakala responden yang mengakses sumber alternatif seperti blog dan media sosial lebih cenderung menyokong parti-parti dalam Pakatan Pembangkang atau Pakatan Rakyat. Hal ini kerana kedua-dua media cetak dan elektronik dikuasai parti pemerintah iaitu BN manakala kebanyakkan blog dan media sosial majoritinya dikendalikan oleh ‘blogger’ atau ‘netizen’ yang pro Pakatan Rakyat. Keadaan ini berlarutan sejak PRU 1999 hingga PRU 2013. Justeru, media baru atau internet ini telah mengubah landskap politik negara ini dan mencetuskan pendemokrasian maklumat yang luas dan lebih cepat berbanding media tradisional.

BIODATA

Junaidi Awang Besar pernah bekerja sebagai Eksekutif Penyelidikan di Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (Ogos-Okttober 2007). Kini merupakan pensyarah kanan (DS51) di Program Geografi, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PPSPP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan UKM sejak 31 Oktober 2007 hingga sekarang (2016). Pengkhususan bidang beliau ialah geografi manusia, geografi politik, geopolitik, geografi pilihan raya dan dasar awam. E-mail beliau: jab@ukm.edu.my; junaididee@yahoo.com.

RUJUKAN

- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri & Aminuddin Omar (2014). *Demokrasi dan pilihan raya di Malaysia*. Dlm. Abdul Rahman Abdul Aziz, Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri & Muhammed Nor Azman Nordin. Demokrasi di Malaysia. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Amer Saifude Ghazali (2015). *Geografi politik dan pilihan raya Kelantan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azly Rahman (2014). *Kalimah Allah milik siapa? Renungan dan nukilan tentang Malaysia di era pancaroba*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Fernando, J.M (2011). *Urban Swing dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Kajian Kes Negeri Selangor*. Dlm. *Pilihan Raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*. Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman & Suffian Mansor (Edt.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2009). *Pola Politik Mengikut Kaum Di Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059)*. Kertas Kerja Seminar Malindo-Nusantara (I). The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas (UNAND), Padang, Sumatera Barat, Indonesia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 16-17 Disember.
- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali (2016). Kebangkitan PAS di Terengganu. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail, Sity Daud (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesinambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain (2011a). *Trend Pengundian Etnik Melayu Dan Cina/Tionghoa dalam Pilihan Raya 2009-2011 di Malaysia*. Kertas Kerja Seminar Internasional Serumpun Melayu (SERUMPUN) 2011 Anjuran Fakultas Ilmu Budaya (FIB) Universitas Hasanuddin (UNHAS) Makassar Dengan Kerjasama Universitas Hasanuddin Indonesia dengan Universiti Kebangsaan Malaysia. 8-9 Jun.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain (2011b). *Kajian Budaya Politik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor*. Selangor. Jurnal Melayu. (8)2011: 153-172.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2013). *Pola pengundian dalam pilihan raya kecil 2009-2011*. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor. *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi*. Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Azlan Abdullah, Novel Lyndon, Sivapalan Selvadurai, Er Ah Choy, Ahmad Rizal Mohd Yusof & Muhammad Hazim Abdul Ghani (2013). *Pola Pengundian Etnik Cina dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13, 2013.*

Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali (2014). Dari Barisan ke Pakatan: Berubahnya Dinamiks Pilihan Raya Umum Kuala Lumpur 1955-2013. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space.* 10: 83-98.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (2014a). *Politik Etnik Pasca Pilihan Raya Umum 2013: Kajian Kes Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.* The 6th International Conference On Humanities and Social Sciences 2014 (ICHISS 2014). At Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur. Host by Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Kuala Lumpur. 6-7 Jun.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (2014b). *Pandangan Politik Dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian Kes Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.* 23th Conference of The International Association Of Historians Of Asia 2014 (IAHA 2014).

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof (2014c). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis ‘Tsunami Politik Bandar’. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space.* 10: 28- 38.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon, Ahmad Rizal Mohd Yusof, Lam Kuok Choy, Amer Saifude Ghazali, Rosmadi Fauzi, Mazlan Ali, Siti Noranizahhafizah Boyman, Mohd Faidz Mohd Zain dan Muhammad Hazim Abdul Ghani (2015a). *Pengaruh Geopolitik Popular Terhadap Gelagat Politik Pengundi Muda.* International Conference on Human Sciences UPSI (ICHSUPSI 2015).

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (2015b). Analisis geografi pilihan raya di kawasan Parlimen Titiwangsa, Kuala Lumpur dalam pilihan raya umum 1955-2013. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space.* 11(2): 30-42.

Kamaruddin Mohd. Said (2013). *Kesedaran Sejarah, Transformasi Sosio-Ekonomi dan Kelakuan Politik Masyarakat Melayu Malaysia.* Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.

Kaufman, S (2008). *Malaysia's Alternative Media Become Decisive Political Factor* (atas talian).

- Lai Oso & Omoye Akhagba (2014). Media and Information Literacy and Democracy in a Multi-Ethnic Society, *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30(1) 2014, 177-193.
- Lau Zhe Wei (2012). MCA vs DAP: Politik Cina di Persimpangan. Pulau Pinang: Kolej Han Chiang.
- Liew Chin Tong (2014). Kenangan Perjuangan PRU 13 Kluang. Kuala Lumpur: Genta Media.
- Lim Kok Hong (2012). Realistik politik orang Cina. Dlm Pemikir. Januari-Mac. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.
- Linda J. Lumsden (2013). How Independent? An Analysis of GE13 Coverage by Malaysia's Online News Portal Coverage. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(2) 2013, 1-30.
- Markus Lim Han King (2008). Analisis Trend Pengundian PRU Ke12. Dlm Pemikir. April-Jun. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.
- Matthew Chan (2013). Penangan undi Cina. Dlm. Dewan Masyarakat. Jilid 51, Bil 06 Jun 2013.
- Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali, Rosmadi Fauzi & Zulkanain Abdul Rahman (2014a). Pilihan raya kecil DUN Sungai Limau 2014. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain Abdul Rahman, Amer Saifude Ghazali & Rosmadi Fauzi (2014b). Pilihan raya kecil DUN Kajang 2014. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2012). Pendapat dan Keperluan Generasi Muda di Kawasan Parlimen Muar, Johor. E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities. 7: 50-63.
- Mohd Fuad Mat Jali (2013). Voter 'Realignment'. Seminar on GE13: An analysis and aftermath. Presented at Conference Room, Kuliyah of Information and Communication Technology, International Islamic University Malaysia. Gombak: International Islamic University Malaysia (IIUM). 7-8 July.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (2013). Analisis Geografi Pilihan Raya dalam Pilihan Raya Kecil di Malaysia 2008-2011. Kertas Kerja 4th Social, Development and Environmental Studies International Conference 2013. Bangi: School of Social, Development and Environmental Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. 19 March.

- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon & Mohd Faidz Mohd Zain (2014). ‘Realignment’ Pengundi Cina dalam PRU Ke-13. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 54-64.
- Mohd Hasbie Muda (2013). *Kemenangan yang Tertangguh: Analisis Keputusan PRU ke-13 dan Unjuran Kemenangan Masa Hadapan*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.
- Ng Tien Heng (2003). The contest for Chinese votes: politics of negotiation or politics of pressure? Dalam Francis Loh Kok Wah & Johan Saravanamuttu (Ed). *New Politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies.87-106.
- Ramanathan, S (2008). *Mainstream Versus Alternate Media in Malaysia’s General Election 2008: Hope for Media Liberalisation?* A paper presented at he AMIC 2008 conference, Manila.
- Samsudin A. Rahim (2010). Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 26(2), 1-15.
- Syed Arabi Idid & Mohd Safar Hasim (1990). UMNO Election 1987: A Diffusion of an Unexpected Major News Event. *Jurnal Komunikasi*, 6(1990), 91-97.
- Syed Arabi Idid (2011). *Peranan Media dalam Pilihan raya Umum*. Gombak: IIUM Press.
- Syed Arabi Idid (2014a). *Pengundi dan Isu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Kajang 2014*. Seminar Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca PRU 2013. Projek Khas Nasional (Media, Demokrasi dan Sistem Elektoral),
- Syed Arabi Idid (2014b). *Scholarship in Transformation*. Bangi: Media and Democracy Research Group, Bangi: Institute of Malaysia and International Studies, The National University of Malaysia.
- Umaimah Wahid (2013). Perempuan dan Kekuasaan Politik dalam Pemilukada DKI Jakarta Tahun 2012. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1)2013, 73-97.
- Yang Razali Kassim (2015). New politics or old politics in new clothing? In Johan Saravanamuthu, Lee Hock Guan & Mohamed Nawab Mohamed Osman. *Coalitions in collision: Malaysia’s 13th general elections*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.